



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

JABATAN PELAJARAN PULAU PINANG

JALAN BUKIT GAMBIR

11700 PULAU PINANG

Tel : 04-657 5500, Faks : 04-658 2500

<http://jpnpp.edu.my>



“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN. PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.”

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JPNPP(PER) 1000-4/6 ()
Tarikh : 13 September 2011

Pengarah
SEAMEO RECSAM, Jalan Sultan Azlan Shah
11700 Gelugor, Pulau Pinang
u.p.Devadason Robert Peter (Penyelidikan dan Pembangunan)

Tuan

**KEBENARAN MEMAKLUMKAN JEMPUTAN KOLOKIUUM KE SEKOLAH-SEKOLAH
DI PULAU PINANG**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Pelajaran Pulau Pinang tiada halangan memberi kebenaran kepada pihak tuan untuk memaklumkan mengenai Program Kolokium Matematik di Sekolah-Sekolah di Pulau Pinang tahun 2011 dan 2012, seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami.

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada:-
3.1 Surat Pekeliling Bil 9/2004: Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia bertarikh 16 September 2004

4. Sehubungan itu pihak tuan diminta untuk mengadakan perbincangan serta mendapat kebenaran daripada Guru Besar/Pengetua sekolah-sekolah terlibat, disamping mematuhi syarat-syarat berikut:-

- 4.1 Tiada unsur-unsur paksaan dikenakan kepada pihak sekolah dan murid untuk menerima jemputan ini;
- 4.2 Pihak tuan dengan kerjasama pihak sekolah hendaklah memastikan penyertaan murid adalah dengan persetujuan mereka sendiri dan dengan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/waris mereka;
- 4.3 Tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran;
- 4.4 Guru-guru pengiring yang dilantik oleh pihak sekolah hendaklah juga dijemput bersama-sama ke kolokium ini sebagai pemerhati dan mengawasi murid-murid mereka;

- 4.5 Tiada sebarang yuran atau bayaran dikenakan kepada pihak sekolah dan murid-murid yang terlibat;
- 4.6 **Pihak tuan hendaklah memastikan keselamatan dan kebajikan murid-murid serta guru-guru pengiring diberikan keutamaan dan adalah dibawah tanggungjawab tuan disepanjang program ini dijalankan;**
- 4.7 Pihak tuan hendaklah menanggung semua kos penganjuran seperti pengangkutan, makan dan minum atau aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid-murid;
- 4.8 Pihak tuan dengan kerjasama pihak sekolah perlu memastikan terdapat makanan yang bersesuaian (halal atau vegetarian) mengikut keperluan murid dan guru;
- 4.9 Pihak tuan dengan kerjasama pihak sekolah perlu memastikan murid-murid diambil oleh keluarga masing-masing di tempat-tempat yang telah ditetapkan apabila program ini sudah tamat;
- 4.10 Pihak tuan dengan kerjasama pihak sekolah perlu memastikan murid-murid yang tidak dijemput oleh keluarga masing-masing hendaklah dihantar atau diiring ke rumah atau memastikan mereka telah sampai ke rumah dengan selamat;
- 4.11 **Mohon pihak tuan menghubungi sendiri sekolah-sekolah yang berminat;**
- 4.12 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah-sekolah terlibat dan
- 4.13 Sila kemukakan surat ini apabila berurusan dengan pihak sekolah dan serahkan satu salinan untuk simpanan sekolah.

5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas 31 Mei 2012.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGERA'

Saya yang menurut perintah,



PAUZI BIN HAJI OMAR
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
b.p.Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Pulau Pinang

Series of Colloquium for Penang Teachers at Primary Levels (for 2011/2012)

No.	Date	Title	Brief Description
1	20.09.11.	Innovative Strategies for Helping Children Solve Challenging Mathematical Problems at Lower Primary Levels	Focusing on the typical 'Model' approach and innovative heuristic problem solving strategies.
2	18.10.11.	Innovative Strategies for Helping Children Solve Challenging Mathematical Problems at Upper Primary Levels	Focusing on the typical 'Model' approach and innovative heuristic problem solving strategies.
3	17.01.12.	What are the Basics Skills Necessary for Children Solve Mathematical Word Problems?	Conceptual and Concrete-Pictorial-Abstract approach are fundamental skills for solving word problems.
4	21.02.12.	Information Processing Taxonomy (IPT) Model: An Alternative Model for Assessing Children's Cognitive Thinking	An alternative hierarchical order of thinking model involving processing of information for assessment.
5	20.03.12.	Enhancing Children's Creative, Critical and Enquiring Thinking through Problem Solving	Ultimate objectives of mathematical education and implementation of problem solving curriculum to enhance the various thinking skills.
6	17.04.12	Implementing Constructivism in Learning Primary Mathematics: Piaget's Model, Peer Interaction and Hands On Activities, Home Mathematics and Math Journal	Leading the theoretical constructivism philosophy to classroom activities. Rationale and effectiveness of the conceptual framework.
7	15.05.12.	Helping Children with Mathematical Difficulties: The Diagnostic-Prescriptive Approach	Descriptive of the diagnostic test model and its implementation followed by activities to overcome the problems.